



## **SOALAN LAZIM PROSEDUR PENGURUSAN PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA**

**DIKEMASKINI 17 DISEMBER 2021**

### **1. Apa yang perlu dilakukan oleh pengembara sebelum berlepas ke Malaysia?**

- i. Permohonan untuk masuk ke Malaysia bagi pengembara bukan warganegara yang memerlukan kelulusan MyTravelPass / MyEntry boleh dipohon secara atas talian melalui portal **MyTravelPass / MyEntry**.
- ii. Pembayaran ujian saringan COVID-19 bagi bukan warganegara dan bayaran kuarantin untuk pengembara yang masuk ke Malaysia perlu dibuat di pautan :  
<https://safetravel.myeg.com.my>
- iii. Setelah selesai pembayaran, pengembara akan diberikan kod QR yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia untuk pengesahan pembayaran semasa ketibaan.
- iv. Pengembara perlu menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan ujian RT-PCR COVID-19 selewat- lewatnya dua (2) hari sebelum berlepas.
- v. Hanya pengembara yang mempunyai keputusan negatif ujian COVID-19 boleh meneruskan penerbangan ke Malaysia.
- vi. Pengembara yang memenuhi kriteria dan ingin menjalani kuarantin di rumah atau tempat kediaman di Malaysia perlu membuat permohonan rasmi dengan memohon di portal Home Quarantine Application (HQA) di pautan <https://hso.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index> 4 - 10 hari sebelum tarikh ketibaan.
- vii. Sekiranya permohonan diluluskan, pengembara perlu membawa emel kebenaran kuarantin di rumah atau tempat kediaman.
- viii. Pengembara dikehendaki memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam aplikasi MySejahtera.

**2. Apakah prosedur terkini bagi pengembara yang tiba dari negara yang berisiko tinggi dengan penularan varian omicron dalam komuniti?**

- Ujian PCR COVID-19 mesti dilakukan dalam masa 2 hari sebelum berlepas ke Malaysia.
- Ujian PCR COVID-19 semasa ketibaan
- Pemakaian peranti pengesanan elektronik (digital tracker) semasa ketibaan di PMA.
- Kuarantin wajib; 7 hari atau 10 hari bergantung kepada status Vaksinasi
- Tempat kuarantin sama ada di rumah kediaman atau stesen kuarantin, mengikut kelulusan HQA
- Ujian PCR pada hari ke-5 (untuk kuarantin 7 hari) dan hari ke-8 (untuk kuarantin 10 hari)
- Penilaian risiko pada hari terakhir kuarantin (pada hari ke-7 atau hari ke-10). Tempoh kuarantin dilanjutkan sekiranya bergejala
- Dibebaskan dari kuarantin pada hari ke-8 atau ke-11 sekiranya tiada pelanjutan kuarantin dan ujian PCR hari ke-5 atau hari ke-8 adalah negatif COVID-19.
- Mulai 17 Disember 2021, pengembara dari UK dikehendaki membuat ujian RTK-Ag kendiri dan keputusan ujian dilaporkan dalam MySejahtera.
- Senarai negara yang terlibat adalah :
  - ❖ United Kingdom
  - ❖ Amerika Syarikat
  - ❖ Australia
  - ❖ Perancis
  - ❖ Norway
  - ❖ Denmark
  - ❖ Canada
  - ❖ India
  - ❖ Nigeria
- Senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Tarikh akhir kemaskini 16 Disember 2021

**3. Apakah prosedur terkini bagi pengembara (warganegara dan pemegang pas lawatan jangka panjang) yang tiba dari negara yang dikenakan sekatan perjalanan sementara?**

- Kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin tanpa mengira status vaksinasi.
- Tidak dibenarkan time off.
- Ujian PCR COVID-19 mesti dilakukan dalam masa 2 hari sebelum berlepas ke Malaysia.
- Ujian RT PCR semasa ketibaan.
- Ujian RT PCR hari ke-10 kuarantin.
- Pemakaian peranti pengesanan digital sepanjang tempoh kuarantin wajib.
- Penilaian risiko hari ke-14 dan lanjutan kuarantin sekiranya perlu.
- Dibebaskan dari kuarantin pada hari ke-15 sekiranya tiada pelanjutan kuarantin dan ujian PCR hari ke-10 adalah negatif COVID-19.
- Senarai negara yang terlibat :
  - ❖ Afrika Selatan
  - ❖ Botswana
  - ❖ Eswatini
  - ❖ Lesotho
  - ❖ Mozambique
  - ❖ Namibia
  - ❖ Zimbabwe
  - ❖ Malawi
- Senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Tarikh akhir kemaskini 6 Disember 2021

**4. Bagaimanakah untuk memohon kebenaran kuarantin di rumah atau tempat kediaman?**

Pengembara perlu membuat permohonan rasmi untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman dengan momohn melalui portal Home Quarantine Application (HQA) di pautan <https://hso.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index>.

**5. Apakah kriteria-kriteria yang akan dipertimbangkan untuk permohonan pengecualian kuarantin di pusat kuarantin?**

- i. Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai rumah atau tempat kediaman di Malaysia (termasuk PR, *Malaysia as My Second Home resident* — MM2H dan pekerja).
- ii. Negatif dalam ujian saringan pengesanan jangkitan COVID-19, RT- PCR
- iii. Pengembara yang telah menerima imunisasi lengkap COVID-19
  - a) Dua (2) dos lengkap vaksinasi iaitu lebih daripada 14 hari selepas tarikh dos kedua
  - b) Satu dos vaksin iaitu lebih daripada 28 hari dari tarikh suntikan vaksin
- iv. Rumah atau tempat kediaman adalah bersesuaian berdasarkan penilaian risiko. Penilaian kesesuaian rumah atau tempat kediaman adalah berdasarkan perkara berikut:
  - a) Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman
  - b) Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman berusia >60 tahun (warga emas)
  - c) Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman berumur 12 tahun ke bawah
  - d) Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman yang mempunyai penyakit kronik
  - e) Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman yang mengandung
  - f) Bilangan bilik dalam rumah atau tempat kediaman
  - g) Bilangan bilik mandi/tandas
  - h) Bilangan bilik yang bersambung dengan bili mandi/tandas (*attached bathroom*)

**6. Apa yang perlu dilakukan oleh pengembara semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)?**

- i. Pengembara dikehendaki mengimbas QR Code “Pengembara dari Luar Negara” dengan menggunakan aplikasi MySejahtera.
- ii. Semua pengembara perlu menjalani penilaian kesihatan dan saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR. Fi ujian adalah percuma bagi pengembara warganegara tetapi bagi pengembara bukan warganegara kos ditanggung sendiri.

**7. Sekiranya pengembara tidak bergejala, perlukah mereka menjalani ujian pengesanan COVID-19?**

Ya. Pengembara yang tiada gejala perlu mengambil ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR semasa ketibaan di PMA.

**8. Apakah prosedur bagi pengembara yang mempunyai gejala setibanya di PMA?**

- i. Bagi pengembara yang bergejala ringan dikehendaki menjalani ujian saringan pengesanan jangkitan COVID-19, RTK Antigen atau RT-PCR. Sekiranya ujian RTK-Antigen positif, *buffer solution* dihantar ke makmal untuk ujian PCR. Pengembara ini dibenarkan untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman. Tindakan selanjutnya bergantung kepada keputusan ujian.
- ii. Manakala, pengembara yang mengalami gejala sederhana / teruk dirujuk ke kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit. Tindakan selanjutnya adalah berdasarkan kepada penilaian kesihatan dan keputusan pakar.

**9. Bagaimana dengan pembayaran fi saringan COVID-19 semasa ketibaan di PMA?**

- ix. Fi ujian saringan COVID-19 adalah percuma bagi pengembara warganegara tetapi bagi pengembara bukan warganegara kos ditanggung sendiri. Pembayaran boleh dibuat melalui pautan <https://safetravel.myeg.com.my> atau di kaunter pembayaran semasa ketibaan.

**10. Di manakah pengembara akan dikuarantin sekiranya permohonan untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman tidak diluluskan?**

Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang tidak memenuhi syarat dan kelayakan perlu menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin yang diwartakan oleh kerajaan.

**11. Sekiranya pengembara telah membuat pembayaran kuarantin di MySafeTravel dan telah mendapat kebenaran untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman, adakah dibenarkan memohon untuk bayaran balik ?**

Sekiranya pengembara telah membuat pembayaran melalui MySafeTravel dan tidak menjalani kuarantin di pusat kuarantin, permohonan bayaran balik boleh dikemukakan kepada [refundcovid@moh.gov.my](mailto:refundcovid@moh.gov.my).

**12. Berapa lama tempoh kuarantin wajib bagi pengembara dari luar negara?**

Tempoh kuarantin wajib bagi pengembara dari semua negara adalah 7 hari bagi yang sudah mengambil vaksin dan 10 hari bagi yang tidak divaksin/tidak lengkap vaksin. Namun begitu, tempoh kuarantin tersebut akan dilanjutkan sekiranya ujian pengesanan COVID-19 pada hari ketibaan atau pada hari ke-5 (untuk kuarantin 7 hari) atau hari ke-8 (untuk kuarantin 10 hari) adalah positif.

**13. Sekiranya pengembara yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), adakah dibenarkan meneruskan penerbangan atau perjalanan ke negeri-negeri lain di Malaysia?**

Pengembara yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di KLIA dibenarkan meneruskan penerbangan atau perjalanan ke negeri-negeri lain\* di Malaysia kecuali pengembara yang bergejala, dikesan positif COVID-19 atau kontak rapat kepada kes positif.

\*Untuk kemasukan ke **Sabah, Sarawak dan Labuan**, sila rujuk prosedur terkini Kerajaan Negeri masing-masing

**14. Bagaimana pula dengan pengembara yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di KLIA serta tidak mempunyai keputusan ujian pengesanan COVID-19 yang diperlukan untuk meneruskan perjalanan ke negara destinasi antarabangsa yang lain?**

Tidak dibenarkan untuk menjalani ujian RT-PCR COVID-19 di KLIA. Keputusan ini dibuat berdasarkan situasi pandemik COVID-19 semasa negara ini dan kapasiti Pusat Rawatan COVID-19 Risiko Rendah (PKRC), hospital kerajaan serta swasta untuk merawat kes COVID-19 adalah terhad.

**15. Apakah prosedur bagi pengembara yang diberikan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order*)?**

- i. Pengembara akan diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order* — HSO) secara digital dan dipasang dengan gelang tangan pengawasan (*wristband*) atau peranti pengesanan (*digital tracker*) di PMA. Pengembara ini akan dinamakan sebagai *Person Under Surveillance* (PUS).
- ii. PUS dikehendaki membuat penilaian kendiri setiap hari melalui *Home Assessment Tool* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera dan diteruskan sehingga 7 hari bagi yang sudah lengkap vaksinasi dan 10 hari bagi yang tidak lengkap/tiada vaksinasi, dari tarikh ketibaan.
- iii. Ujian ulangan RT-PCR COVID-19 dilakukan pada hari ke-5 (bagi pengembara yang lengkap vaksinasi dan perlu menjalani kuarantin selama 7 hari) atau hari ke-8 (bagi pengembara yang tidak lengkap/tiada vaksinasi dan perlu menjalani kuarantin selama 10 hari).
- iv. Jika keputusan ini adalah negatif, PUS dilepaskan daripada kuarantin dan gelang tangan pengawasan atau peranti pengesanan ditanggalkan di Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran pada hari ke-8 untuk mereka yang lengkap vaksinasi atau pada hari ke-11 untuk mereka yang tidak lengkap/tiada vaksinasi.
- v. Pelepasan Perintah Pengawasan & Pemerhatian (*Release Order* - RO) juga akan dipaparkan dalam aplikasi MySejahtera pada hari ke-8 atau ke-11.
- vi. Sekiranya PUS memerlukan sesalinan (*hard copy*) RO, boleh dipohon daripada Pejabat Kesihatan berhampiran.

**16. Apa yang perlu dilakukan sekiranya PUS mengalami gejala dalam tempoh kuarantin?**

PUS dikehendaki pergi ke fasiliti kesihatan berhampiran untuk penilaian status kesihatan seperti yang digariskan dalam garis panduan sedia ada (rujuk Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020 (kemaskini pada 5 Ogos 2021).

PUS yang mengalami gejala sederhana / teruk akan dirujuk kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit untuk tindakan selanjutnya. Pengembara yang bergejala ringan perlu menjalani ujian RT-PCR. Sekiranya positif, PUS dirujuk ke Hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Risiko Rendah (PKRC) atau COVID-19 Assessment Centre (CAC). Jika ujian COVID-19 ditanggung oleh PUS.

**17. Apakah prosedur terkini bagi Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin Udara Di Antara Malaysia- Singapura ( VTL-Air dan VTL-Land)**

- Hanya untuk pengembara lengkap vaksin COVID-19
- Perlu jalani ujian dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas ke Malaysia (kecuali kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah):
  - PCR COVID-19 bagi VTL-Air.
  - RTK Ag (professional) atau PCR COVID-19 bagi VTL-Land
- Ujian semasa ketibaan di Malaysia
  - PCR COVID-19 di KLIA/KLIA2 bagi VTL-Air
  - RTK Ag (professional) di Terminal Bas Larkin Sentral, Johor Bahru bagi VTL-Land
- Tidak perlu menjalani tempoh kuarantin wajib
- Tambahan bilangan ujian sebagaimana berikut:
  - Menjalani ujian pantas antigen (professional) pada hari ke-3 dan ke-5
  - Menjalani ujian pantas antigen (kendiri) pada hari ke-2, ke-4 dan ke-6
- Semua keputusan ujian perlu dilaporkan melalui aplikasi MySejahtera
- Keperluan pengujian tambahan ini juga perlu dilaksanakan dalam kalangan pengembara skim VTL yang kembali ke Malaysia dari Singapura.
- Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.mysafetravel.gov.my/>

**18. Apakah prosedur terbaru bagi Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (LITB)?**

- Dibenarkan untuk pengembara SELAIN daripada yang datang dari lapan (8) negara yang dikenakan sekatan perjalanan sementara.
- Pengembara mestilah telah lengkap divaksinasi.
- Ujian PCR COVID-19 dilakukan dalam masa 2 hari sebelum berlepas (kecuali kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah) dan semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa negara (PMA) Langkawi. Diberikan Digital HSO dan boleh terus ke hotel penginapan sementara menunggu keputusan ujian bagi sampel yang diambil di PMA Langkawi.
- Menjalani ujian pantas antigen (professional) pada hari ke-3 dan ke-5 semasa berada di Pulau Langkawi.
- Menjalani ujian pantas antigen (kendiri) pada hari ke-2, ke-4 dan ke-6 semasa berada di Malaysia. Individu terlibat bertanggungjawab untuk melaporkan keputusan ujiannya melalui aplikasi MySejahtera.

- Menjalani ujian PCR / rapid molecular COVID-19 dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas keluar dari Pulau Langkawi.

**19. Apakah prosedur terbaharu bagi One Stop Centre (OSC) untuk pelawat perniagaan jangka pendek**

- Pengembara mestilah telah lengkap divaksinasi.
- Perlu menjalani ujian PCR COVID-19;
  - Dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas dan
  - Semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa negara (PMA) seperti di Business Traveller Centre, KLIA.
- Tidak perlu menjalani kuarantin wajib.
- Tempoh tinggal di Malaysia terhad kepada bilangan hari yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa OSC dan tidak melebihi dari 14 hari.
- Perlu mengikuti jadual program terkawal (controlled itinerary) yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa OSC.
- Perlu diiringi oleh liaison officer (LO) yang disediakan oleh MIDA.
- Tambahan ujian seperti berikut:
  - ✓ Menjalani ujian pantas antigen (professional) pada hari ke-3 dan ke-5
  - ✓ Menjalani ujian pantas antigen (kendiri) pada hari ke-2, ke-4 dan ke-6.
- Bertanggungjawab melaporkan keputusan ujian melalui aplikasi MySejahtera dan LO perlu memastikan ianya dilaksanakan.

**NASIHAT UMUM SEMASA KUARANTIN DI RUMAH ATAU TEMPAT KEDIAMAN**

1. Memakai pelitup muka sepanjang perjalanan dari Pintu Masuk Antarabangsa ke rumah atau tempat kediaman.
2. Kuarantin dalam bilik yang berasingan daripada ahli keluarga.
3. Bilik mempunyai tandas bersambung (*attached bathroom*).
4. Pakai pelitup muka sekiranya perlu keluar dari bilik dalam rumah atau tempat kediaman dan elakkan bergaul rapat dengan orang lain. Hadkan jarak anda dengan mereka yang sihat sekurang-kurangnya dua (2) meter.
5. Pastikan pengudaraan rumah atau tempat kediaman dalam keadaan baik seperti membuka tingkap.
6. Makanan hendaklah dihantar ke bilik oleh ahli keluarga (hanya diletakkan di luar bilik)

7. Gelang pengawasan hendaklah dipakai sepanjang masa perintah pengawasan dan pemerhatian.
8. Perlu sentiasa boleh dihubungi.
9. Hendaklah berada di rumah atau tempat kediaman sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian ini.
10. Sekiranya anda bergejala, sentiasa pakai pelitup muka. Tutup mulut dan hidung anda menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan cuci tangan serta-merta dengan sabun atau *hand sanitiser*. Dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran untuk penilaian kesihatan.

Disediakan oleh:

Pasukan Komunikasi Risiko

CPRC Kebangsaan

Tarikh kemaskini: 17 Disember 2021